

MAHKAMAH AGUNG  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD  
JALAN RAJA  
50506 KUALA LUMPUR

TEL: 2939011

---

(27) dlm. JK/MA 16

25 Oktober, 1991

Semua Hakim Mahkamah Sesyen  
Semenanjung Malaysia.

Semua Majistret,  
Semenanjung Malaysia.

Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar Bil. 5 Tahun 1991

Waktu Bekerja Pejabat

---


Saya telah diarahkan oleh Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya untuk menarik perhatian tuan/puan kepada waktu bekerja pejabat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Perintah Am Bab G dan menekankan bahawa peraturan tersebut adalah meliputi semua peringkat pegawai dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Perkara 132(1) Perlembagaan Persekutuan.

2. Disamping itu tuan/puan adalah juga diminta mengambil perhatian bahawa persidangan Mahkamah hendaklah bermula pada pukul 9.00 pagi tiap-tiap hari. Dengan keadaan yang demikian pada hari-hari tuan/puan mengendalikan perbicaraan secara litaran tuan/puan terpaksa bertolak lebih awal sedikit untuk pergi ke Mahkamah Litaran. Walau bagaimanapun sekiranya persidangan Mahkamah Litaran selesai awal tuan/puan hendaklah pulang ke pejabat untuk meneruskan tugas.

3. Arahan ini adalah dengan bertujuan terutamanya untuk meningkatkan proses menyelesaikan kes-kes dan menentukan supaya pengawasan pejabat lebih teratur dan licin serta mengelakkan dari timbulnya aduan-aduan yang tidak diingini dari pihak orang awam. [Pekeliling Pendaftar Bil 4/1977 adalah dengan ini dibatalkan].

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



( DATO' WAN MOHAMED BIN WAN MUDA )  
Ketua Pendaftar,  
Mahkamah Agung Malaysia,  
Kuala Lumpur.

s.k.:

Y.A.A. Ketua Hakim Negara

Y.A.A. Hakim Besar Malaya/Borneo

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung

Y.A. Hakim-Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi Malaya.

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya/Borneo.